


PENJANAAN ELEKTRIK

FAKTA YANG WAJAR KITA TAHU


Bahan api seperti gas, arang batu, dan hidro merupakan komponen yang penting untuk menjana elektrik. Sekian lama, dua pertiga sumber penjanaan elektrik di Semenanjung Malaysia adalah gas asli. Kebergantungan yang banyak kepada satu sumber bahan api boleh memberi risiko kepada bekalan elektrik apabila berlakunya gangguan kepada pembekalan bahan api tersebut.

Untuk pastikan bekalan elektrik Negara lebih stabil dan cekap dari segi kos penjanaan, kerajaan mempelbagaikan sumber bahan apinya secara seimbang antara arang batu dan gas termasuk gas cecair asli (LNG).



DAHULU TERLALU BERGANTUNG KEPADA SATU SUMBER

Lebih dua pertiga penjanaan elektrik menggunakan bahan api gas asli.



KINI PELBAGAI DAN SEIMBANG

Gabungan lebih mantap bahan api untuk penjanaan elektrik iaitu 51% arang batu dan 45% gas termasuk LNG.

Faedah Bersama



- Bekalan elektrik lebih stabil, diyakini dan mencukupi.
- Kos penjanaan daripada sumber arang batu adalah lebih rendah berbanding gas.
- Penjimatan kos bahan api berjumlah **RM4.1 bilion** dinikmati rakyat dalam bentuk pemberian rebat sejak 2015.